



07 FEB, 2026

CATAT 100 PERATUS KAPASITI SIMPANAN



Harian Metro, Malaysia

DUA EMPANGAN DI PERAK MASIH DI TAHAP MAKSIMUM

CATAT 100 PERATUS KAPASITI SIMPANAN

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Paras air di dua empangan di Perak yang berada di bawah seliaan Lembaga Air Perak (LAP) masih berada di tahap maksimum meskipun sedang dilanda cuaca panas dan kering ketika ini.

Maklumat dipaparkan menerusi portal bilik gerakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyatakan dua empangan iaitu Empangan Air Kuning di Taiping dan Empangan Sultan Azlan Shah di Kinta mencatatkan 100 peratus kapasiti simpanan setakat semalam.

Bagaimanapun, portal sama menyatakan Empangan Bukit Merah di Kerian yang berada di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak

mencatatkan paras amaran apabila menampung 26.89 peratus kapasiti simpanan setakat kelmarin.

Maklumat menerusi portal itu menyatakan, kapasiti sama iaitu 26.89 peratus simpanan atau di paras 6.60 meter (m) berbanding 8.7m paras normal bagi Empangan Bukit Merah dicatatkan sejak 27 Januari lalu, menyaksikan penyusutan daripada bacaan 32.24 peratus pada hari sebelumnya.

Bagaimanapun, kemas kini JPS setakat jam 9 pagi semalam menunjukkan ada perkembangan positif, namun masih di tahap amaran apabila Empangan Bukit Merah mencatatkan bacaan 27.17 peratus baki simpanan air.

Sementara itu, Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, Empangan Temenggor di Gerik setakat se-

malam berada pada paras 240 meter, iaitu lebih rendah berbanding paras sekitar 245 meter yang lazimnya direkodkan.

Katanya, empangan di bawah seliaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu menyaksikan jumlah *inflow* atau kemasukan air semula jadi ke takungan Tasik Temenggor adalah rendah, selari dengan taburan hujan berkurangan di kawasan tadahan bahagian hulu Sungai Perak.

Beliau berkata, keadaan *inflow* yang rendah itu memberi kesan langsung kepada paras takungan dan perlu diurus secara berhemah bagi memastikan kelangsungan sistem sungai iaitu sepanjang Sungai Perak yang mengalir dari daerah Hulu Perak hingga daerah Bagan Datuk.

Mohammad Nizar menegaskan tiada isu keselamatan empangan dengan semua empat struk-

tur empangan utama sepanjang Sungai Perak di bawah seliaan TNB dalam keadaan selamat serta beroperasi seperti biasa.

Menurutnya, memandang empangan di sepanjang lembangan Sungai Perak berperanan sebagai mekanisme pengurusan sumber air yang menyokong kelestarian aliran sungai, di samping memenuhi keperluan bekalan air dan penjaan tenaga khususnya hidroelektrik.

Beliau berkata, susulan itu pelepasan air empangan dilaksanakan berpandukan paras semasa takungan, keadaan hidrologi semasa serta pementauan teknikal berterusan.

"Pelepasan air ini dibuat secara berperingkat dan terkawal dengan mengambil kira keseimbangan keseluruhan sistem empangan dan keperluan hiliran, supaya sumber air dapat dikekalkan secara mampan," katanya.